

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI  
[LABUAN]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 92**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa keadaan banyak fasiliti sukan di Kompleks Sukan Labuan adalah sangat menyedihkan malah sebahagian tidak dapat digunakan langsung. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf Kompleks Sukan Labuan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan Kompleks Sukan Labuan yang memerlukan proses naiktaraf sememangnya mendapat perhatian daripada Kementerian Belia dan Sukan.
2. Justeru, bagi membaiki keadaan tersebut, Kementerian akan memulakan kerja-kerja pembinaan bagi projek Menaiktaraf Kompleks Sukan Labuan pada awal tahun 2020 dan dijangka siap pada tahun 2021 dengan kos sebanyak RM 20 juta.

Sekian, terima kasih.